

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB NEGERI PERAK

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

**PERINGATAN : SENARAI SEMAK PENGURUSAN TERIMAAN BAGI PENUTUPAN
AKAUN TAHUNAN TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, semua terimaan sehingga 31 Disember 2021 hendaklah dibank dan diperakaunkan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP)78(a). Ini adalah selaras dengan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil 6/2021 – Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun 2021**.

3. Sehubungan dengan itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan hendaklah memastikan semua resit yang dijana di iGFMAS telah dibuat Serahan Wang dan Penyata Pemungut telah dibuat Peraku II selewat-lewatnya pada 31.12.2021 (Jumaat).

4. Semua Pejabat Pemungut juga adalah dikehendaki untuk memastikan tarikh akhir senarai semak seperti di **Lampiran 1** dipatuhi dalam tempoh Penutupan Akhir Tahun 2021.

5. Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada pegawai di Unit Terimaan melalui talian 05-2462154/158 dan e-mel terimaan_prk@anm.gov.my atau terimaanagprk@gmail.com.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA (TERIMAAN)
JANM NEGERI PERAK**

LAMPIRAN 1

BIL.	AKTIVITI/ TUGAS	TEMPOH/ TARIKH AKHIR	TINDAKAN PIHAK PTJ
1.	JENIS KUTIPAN i. <u>Selain tunai</u> Draf Bank/ <i>Banker Cheque</i>, Kiriman Wang, Wang Pos, Cek, <i>Electronic Fund Transfer (EFT)</i> dan e-Pembayaran Bagi terimaan secara e-Pembayaran, <i>settlement function</i> dan resit perlu dilakukan pada setiap hari dan penyata pemungut hendaklah disediakan pada hari berikutnya. * PERINGATAN: <i>Sekiranya terdapat keperluan untuk terimaan jenis kutipan selain tunai selepas 23.12.2021, sila maklumkan kepada Unit Terimaan JANM Negeri Perak.</i> ii. <u>Tunai</u> Terimaan tunai. RESIT DAN PENYATA PEMUNGUT i. Memastikan semua resit dan penyata pemungut telah dibuat perakuan II - berstatus 80 (termasuk terimaan bagi sistem integrasi). ii. Kutipan 31.12.2021 perlu diperakaukan dan diperbankkan pada hari yang sama sebelum jam 2.00 petang. iii. Resit selepas jam 2.00 petang yang tidak sempat diperbankkan, perlu sedia Penyata Pemungut pada 03.01.2022 (Tempoh Pungutan 31.12.2021 hingga 31.12.2021). *PEMBATALAN: <i>Sekiranya Penyata Pemungut telah disediakan pada 31.12.2021 namun tidak sempat diperbankkan, sila batalkan penyata pemungut tersebut. (sekiranya ada)</i>	23.12.2021 23.12.2021 31.12.2021 Tarikh akhir 31.12.2021	☐ ☐ ☐ ☐ ☐
2.	BAUCAR JURNAL PELARASAN (TERIMAAN) Semua baucar jurnal pelarasan perlu diselesaikan sehingga perakuan II (berstatus 80). *Sila pastikan token pegawai peraku I dan II tidak mempunyai sebarang masalah dalam tempoh PAT 2021. Sekiranya didapati token telah tamat tempoh, sila aktifkan semula token tersebut dengan kadar segera.	Tarikh akhir 31.12.2021	☐

3.	LAPORAN Sila semak semua laporan dibawah dan pastikan semua dokumen berstatus 80/74 (selesai/ batal) sahaja. i. Laporan Buku Tunai Cerakinan; ii. Laporan Resit Terperinci/ Batal/ Offline/ Antaramuka; iii. Laporan Penyata Pemungut; iv. Laporan Baucar Jurnal.	Tarikh akhir 31.12.2021	☐ ☐ ☐ ☐
4.	INVOIS Memastikan Invois <i>Open Item (ABT Ongoing Receivables – A0481101)</i> adalah invois yang belum diterima bayaran sahaja dan resit dikeluarkan tidak menggunakan resit jenis <i>One Time Customer (OTC)</i> bagi terimaan yang mempunyai Invois. <i>*PTJ yang berkaitan.</i>		☐
5.	KOD PENJENISAN Mengenalpasti Kod Penjenisan Terimaan tahun semasa yang akan digunakan pada tahun baharu (2021) dibawa ke hadapan.	Bermula 01.01.2022 - 07.01.2022	☐
6.	TEMPOH CIT Memastikan butang AKB ditandakan bagi semua invois dan resit yang dijana dari sistem Integrasi yang tidak sempat diperakaunkan pada 31.12.2021 (sekiranya ada).	Bermula 01.01.2022 - 07.01.2022	☐
7.	KUTIPAN YANG TIDAK DIPERAKAUNKAN OLEH PTJ PADA ATAU SEBELUM 31.12.2021 Semua kutipan jenis bayaran EFT (U) yang tidak diperakaunkan oleh PTJ akan diselaraskan ke Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) JANM Negeri Perak. PTJ perlu memastikan resit TIDAK dikeluarkan semula bagi transaksi terimaan yang telah diperakaunkan ke ATTD.	Tarikh akhir 31.12.2021	☐